

Beri tumpuan penuh bioteknologi: Abdullah

BH - 19/5/2006

Usahawan tamak tanggung beban kos tinggi, gagal agih modal

Oleh Ridzuan Yop, Shamsul Kamal Amarudin dan Hamizar Hamid

PULAU PANGKOR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan usahawan bioteknologi tempatan tidak terlalu ghairah menceburi beberapa sektor perniagaan lain hingga terpaksa menanggung beban kos yang tinggi.

Perdana Menteri berkata, sikap tamak untuk turut terbabit dalam pelbagai perniagaan lain menyebabkan mereka berdepan masalah kekurangan modal bagi membiayai sektor bioteknologi yang berkembang.

Sehubungan itu, beliau mahu usahawan tempatan memberi tumpuan sepenuhnya kepada sektor bioteknologi kerana ia berpotensi untuk memberi pulangan yang memuaskan kepada usahawan terbabit.

"Jika mereka (usahawan tempatan) pada masa yang sama turut terbabit dalam perniagaan lain, sudah pasti mereka tidak dapat membiayai serta mengagihkan modal mengembangkan perniagaan secukupnya.

"Memang ada usahawan yang suka

meletakkan pelbagai bidang perniagaan yang mereka ceburi dalam kad nama perniagaan mereka, namun ia tidak membawa sebarang makna jika terpaksa berhutang," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis pecah tanah Pusat Pelancongan Bioteknologi pertama Malaysia di Teluk Dalam, di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi Eksekutif Global HiQ Biotech Sdn Bhd, Mohd Nasir Mohd Rashid.

Pusat pelancongan bioteknologi pertama Malaysia yang dibangunkan di Pulau Pangkor dengan pelaburan RM100 juta itu dijangka siap sepenuhnya empat tahun lagi dan bakal menjadi sebuah destinasi pelancongan berkonsepkan pertanian bertaraf antarabangsa.

Fasa pertama projek di tapak seluas 20 hektar itu dijangka siap awal tahun depan dan mampu menghasilkan jualan benih ikan dan ikan bernilai RM20 juta bagi pasaran eksport dan tempatan.

Fasa pertama itu membabitkan pembinaan kolam akuakultur bagi aktiviti penternakan ikan laut di darat, pembenihan telur ikan dan pengeluaran benih ikan dan projek itu adalah satu-satunya projek menternakan ikan laut di daratan terbesar di negara ini menggunakan kaedah bioteknologi mesra alam.

Projek itu dijalankan secara usaha sama dengan Hi-Q Bio-Tech International Taiwan, antara syarikat akuakultur terbesar negara itu yang menjalankan kegiatan ternakan ikan laut bagi tujuan eksport.

Sementara itu di IPOH, Abdullah yang juga Presiden Umno, menegaskan selagi ahli Umno menjadi ahli parti, mereka boleh terus berjuang dengan kemampuan dan kebolehan masing-masing walaupun tidak lagi memegang jawatan dalam parti.

Katanya, perjuangan parti akan terus mantap dan kukuh jika setiap ahli tetap meneruskan perjuangan walaupun sudah bersara atau tidak lagi aktif di dalam parti.

Beliau berkata, kehadiran veteran Umno dalam parti bermakna kerana ia dapat memberikan semangat serta pengalaman kepada pemimpin dan ahli parti sekarang.

"Umno memerlukan kekuatan dengan mengemblem tenaga muda dan lama bagi mengisi kemerdekaan yang diperjuangkan Umno sejak sekian lama," katanya merasmikan Perhimpunan Agung Pertama Majlis Veteran Umno Malaysia, malam tadi.

Majlis Veteran Umno itu yang ditubuhkan tiga tahun lalu oleh sekumpulan anggota lama dan ia diluluskan Majlis Tertinggi pada 17 Januari tahun lalu.

FAKTA NOMBOR

RM100j

Kos Pusat Pelancongan Bioteknologi

RM20j

Sasaran jualan benih ikan, ikan